

Dr M sebut bahaya penjajahan bentuk baru

Oleh TAJU

PENDANG, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan, bahawa Malaysia akan dijajah semula jika rakyatnya bersikap lemah.

Perdana Menteri berkata: "Jika kita lalai dan lemah, orang lain tentu akan menjajah kita semula."

Penjajahan kali ini, katanya, mungkin dalam bentuk 'kuasa ekonomi' dan seumpamanya.

Presiden Umno itu berkata demikian ketika merasmikan Bangunan Umno bahagian Ulu Muda, di sini, petang semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Keteguhan bangsa Melayu berpunca dari perpaduan yang telah dibuktikan dengan tumbangnyanya Malayan Union pada 1946.

"Tapi jika kita lupa dajaran, lupa diri, dan selagi kita berfikir bahawa apa sahaja kehendak akan diperolehi, segala yang dikecap ini mungkin akan hilang.

"Sekarang kita sudah ada lima parti orang Melayu. Janganlah kita dalam Umno pula turut berpecah-belah.

"Kita mesti berwaspa-

da supaya Umno tidak dipecah-belahkan oleh sesiapa pun.

"Jika kita lupa kepada kepentingan ramai maka Umno, bangsa Melayu dan negara akan hancur.

"Kita jangan terlalu taksub kepada kepentingan diri sehingga melupakan kepentingan ramai," katanya.

Katanya, pemimpin Umno sekarang tidak bertujuan 'menongkat langit.'

"Bila sampai masanya, yang muda bolehlah mengambil alih pimpinan tapi janganlah mengamalkan perebutan dan sikap suka menjatuhkan orang lain."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mereka yang tidak mahu belajar dari sejarah akan didera dengan kealpaan untuk mengulangi kesalahan yang sama berkali-kali di masa depan.

"Kita mesti insaf. Tumbangnyanya Malayan Union adalah kerana perpaduan bangsa Melayu.

"Perpaduan kitalah yang telah mengalahkan Empayar British hingga mereka terpaksa membubarkan Malayan Union dan terpaksa memberikan kembali hak kita serta kuasa raja kita.

"Pada mulanya British cuba untuk menjadikan raja kita cuma sebagai Kadi saia."